

Rujukan : USM. 38/6 Jld. VIII

Tarikh : 29 Oktober 2024

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Memorandum

Bangunan Canselor
(Chancellery Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 65 TAHUN 2024

- **PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, mulai tahun 2018, Kerajaan telah memperuntukkan Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali selama satu (1) hari iaitu pada hari berikutnya (hari kedua) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu sebagai tambahan kepada cuti umum Hari Deepavali bagi memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

3. Namun begitu, mulai tahun 2024, Kerajaan telah bersetuju bahawa Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu boleh memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan Hari Deepavali selama **satu (1) hari sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua** Perayaan Deepavali. Sehubungan itu, pihak Universiti bersetuju memberikan Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari kepada staf yang menganut agama Hindu pada hari **Rabu, 30 Oktober 2024 atau hari Jumaat, 1 November 2024** tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

SR/MFAA/nss...penambahbaikanCTRPerayaanDepeavalii

Tel: (6)04 653 6088 | E-Mel: sarina_razak@usm.my | Web: bsm.usm.my